



## Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 5, Issue 11, November 2020

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:  
[www.msocsciences.com](http://www.msocsciences.com)

### Faktor yang Mendorong Pertikaian terhadap Boleh Guna Tanah Milik Orang Asli

Nurul Amira Abdul Wahab<sup>1</sup>, Azima Abdul Manaf<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Program Sains Pembangunan, Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Correspondence: Azima Abdul Manaf (azima@ukm.edu.my)

#### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meninjau faktor-faktor yang mendorong pertikaian pemilikan tanah Orang Asli dengan agensi pembangunan. Oleh yang demikian adalah menjadi objektif kajian untuk menganalisis faktor yang menyebabkan pertikaian terhadap pemilikan tanah Orang Asli dengan pihak agensi sama ada kerajaan, sektor swasta atau sektor perladangan. Bagi mencapai objektif kajian ini, pengkaji telah memilih pendekatan penyelidikan secara kuantitatif menggunakan kaedah soal selidik. Seramai 60 orang responden yang terdiri daripada Orang Asli di Kg. Bukit Jenuk, Kg. Batu 28 Jenderam Hilir dan Kg. Sungai Buah sekitar Sepang, Selangor telah dipilih secara rawak sebagai subjek kajian. Borang soal selidik telah digunakan untuk mendapatkan maklumat dan dipersembahkan secara deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat pertikaian yang wujud di antara masyarakat Orang Asli dan pihak agensi seperti pihak pemaju dan kerajaan negeri. Pertikaian pemilikan tanah ini yang berpunca daripada enam faktor utama iaitu perbezaan kepentingan ke atas tanah, tanggapan dan interpretasi mengenai pemilikan, peruntukan undang-undang dan regulasi, kesedaran dan pemahaman terhadap pemilikan, pentadbiran serta eksploitasi, diskriminasi dan pelanggaran hak. Namun, tanggapan dan interpretasi mengenai pemilikan didapati menjadi faktor yang paling dominan yang banyak memberi impak kepada masyarakat Orang Asli iaitu dari segi tekanan, kebimbangan, pertimbangan dan pembuatan keputusan. Sehubungan itu, dapat dirumuskan bahawa pertikaian tanah di kawasan kajian banyak didorong oleh isu kekurangan pengetahuan, pemahaman dan kesedaran mengenai pemilikan serta kekurangan penglibatan dalam kalangan Orang Asli. Pandangan responden terhadap kaedah penyelesaian bagi pertikaian tanah adalah melalui rundingan, perbincangan, perundangan dan sokongan padu semua pihak. Bagi meminimumkan pertikaian maka dicadangkan pembaharuan dalam pentadbiran tanah khususnya pemberimilikan tanah yang jelas kepada pemilik tanah diperlukan.

**Kata kunci:** pertikaian, pemilikan, tanah Orang Asli

### The Factors that Cause Disputes Over the Land use of Indigenous Land

#### Abstract

This study aims to look into the factors that spur disputes over the Orang Asli land ownership with development agencies and the extent of the dispute with the agency impacting the Orang Asli communities. The objective of the study is to analyze the factors that caused disputes over the Orang Asli land ownership with either the government, the private sector or the plantation sector. To meet the study objectives, the researcher has selected a quantitative research approach using the questionnaire method. A total of 60 respondents comprising of Orang Asli at Bukit Jenuk village, Batu 28 Jenderam

Hilir village, and Sungai Buah village around Sepang, Selangor were randomly selected as the subject of the study. Questionnaires have been used to obtain information and are presented descriptively. The findings showed that there were disputes that existed between the Orang Asli communities and agencies such as the developers and the state government. The land ownership dispute arose from six main factors, namely differences in interest on land, impressions and interpretation on ownership, provisions of law and regulation, awareness and understanding of ownership, administration and governance, exploitation, discrimination and infringement of rights. However, impressions and interpretations on ownership are found to be the most dominant factors that have a lot of impact on the Orang Asli community in terms of stress, anxiety, consideration and decision-making. It can be concluded that land disputes in the study area are heavily driven by issues of lack of knowledge, understanding and awareness of ownership as well as lack of involvement among the Orang Asli. The respondents' views on the method of settlement of land disputes are through negotiations, discussions, legislation and strong support of all parties. To minimize the disputes, it is proposed that reforms in land administration especially clear land alienation to landowners are required.

**Keywords:** land ownership dispute, land ownership, Orang Asli

---

## Pengenalan

Orang Asli merupakan golongan masyarakat yang awal mendiami di sesuatu kawasan penempatan. Masyarakat Orang Asli dicirikan dengan hak dan keistimewaan yang tersendiri seperti yang terkandung di dalam Akta Orang Asli 1954 (Akta 134), dan Perlembagaan Persekutuan. Kebergantungan mereka terhadap sumber-sumber alam mempengaruhi penempatan di tanah yang diwarisi secara turun-menurun (Suhada, 2016). Oleh itu, hubungan yang rapat di antara Orang Asli dengan tanah dan sumber semula jadi yang terdapat di kawasan penempatan mereka bukan sahaja sebagai sumber rezeki tetapi membentuk keunikan budaya, pengetahuan, tradisi dan identiti bagi masyarakat Orang Asli di Malaysia. Peluang kepada pembangunan dan kesinambungan budaya serta pengetahuan tradisi masyarakat Orang Asli dilihat signifikan dalam mengiktiraf hak milik mereka ke atas tanah (SUHAKAM, 2013). Walaupun mereka dijanjikan peluang-peluang ekonomi dan sosial seperti pemilikan tanah, peluang pekerjaan dan status, namun peluang yang ada jelas tidak menyeluruh dan mencukupi (Siti & Seow et al., 2013).

Isu kemunduran dan kemiskinan Orang Asli dikaitkan dengan hubungan Orang Asli yang rapat dengan tanah serta ketergantungan komuniti ini bagi memperkukuhkan kawalan kepada pemilikan dan sumber daya yang sama. Oleh hal demikian, polisi pembangunan Orang Asli perlu bersifat '*Alter Native Social Ecology*' iaitu pembangunan yang mengambil kira terhadap ekuiti, keselamatan dan kemapanan harus dititik beratkan (Gomes, 2012). Namun pencerobohan hak tanah Orang Asli masih lagi berleluasa sama ada oleh kegiatan pembalakan dan perladangan serta pewartaan hutan yang mengambil pelbagai sumber asli di tanah mereka. Keadaan ini mendorong kepada pengambilan tanah oleh negeri-negeri dengan pelbagai tujuan yang memiliki kepentingan umum termasuklah pembinaan empangan dan lebuhraya. Punca permasalahan ini berlaku kerana kandungan undang-undang tergubal yang sedia ada dan tafsiran kerajaan persekutuan negeri-negeri tentang hak tanah Orang Asli itu sendiri dikatakan gagal memahami sifat-sifat hak tanah sebenar seperti yang dikembangkan oleh masyarakat ini (SAM & JKOASM, 2016).

Hal ini telah dilihat sebagai tidak menghormati hak dan kepentingan tanah Orang Asli itu sendiri. Keadaan ini bertepatan dengan syor Laporan Inkuiri Nasional menjelaskan bahawa wujudnya ketiadaan jaminan pegangan tanah bagi hak tanah Orang Asli. Malah dalam Akta Orang Asli tiada peruntukan terperinci tentang notis pemberitahuan penghapusan atau pengurangan hak tanah adat apabila tanah adat mereka hendak diambil untuk diwartakan sebagai hutan pengeluaran atau perlindungan alam. Tiada sebarang juga peruntukan tentang prinsip pemberian izin berasaskan maklumat awal, bebas dan telus oleh masyarakat Orang Asli untuk perkara-perkara berkenaan hak tanah Orang Asli dan lain-lain yang bersangkutan dengan kehidupan mereka (SUHAKAM, 2013). Sedangkan, Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan menjelaskan peruntukan mengenai pembayaran

pampasan untuk kehilangan hak tanah adat tidak menjamin pembayaran pampasan yang memadai seperti yang dituntut. Didapati pencerobohan hak tanah ini berkait rapat dengan kelemahan yang terdapat dalam pentadbiran sememangnya melangkaui masalah pelanggaran undang-undang tergubal dan seterusnya membawa kepada pengambilan tanah Orang Asli oleh pihak berkepentingan (SUHAKAM, 2013).

Colchester et al. (2004) mendapati kelemahan sistem pentadbiran kerajaan yang sedia ada dikatakan kurang memberi perlindungan terhadap hak dan kepentingan masyarakat Orang Asli terutamanya dalam pemilikan seperti yang terkandung dalam perundangan. Hal ini mendorong kepada pengambilan tanah adat tanpa pemberitahuan, makluman atau bayaran pampasan yang sewajarnya menggambarkan bahawa Orang Asli tidak mempunyai jaminan kukuh ke atas tanah mereka. Berdasarkan prinsip jika pembangunan berasaskan sumber-sumber alam menjadi teras utama dasar kerajaan, maka ternyatalah pertikaian ke atas tanah berlaku (Colchester et al., 2008). Secara umumnya, pengambilan tanah, pencerobohan dan pewartaan yang dilakukan oleh pihak kerajaan atau pemaju di kawasan tanah Orang Asli telah menimbulkan pertikaian antara pihak yang terlibat dengan pemilik tanah. Walaupun terdapat peruntukan undang-undang yang melindungi kepentingan Orang Asli, tetapi dilihat kurang bersesuaian dengan kehendak mereka dan perlu digubah semula kerana cenderung untuk mengawal kehidupan komuniti ini. Oleh itu, penelitian mengenai pertikaian di antara masyarakat Orang Asli dengan pihak agensi kerajaan, pihak swasta atau sektor perladangan perlu diteliti dengan secara holistik agar pemahaman yang jelas terhadap faktor yang mendorong pertikaian terhadap pemilikan tanah Orang Asli. Hal ini perlu bagi membolehkan pembaharuan dalam pentadbiran tanah agar bagi meminimumkan pertikaian tanah yang timbul dan memastikan kepentingan dan hak masyarakat Orang Asli terus terpelihara.

## Literatur Kajian

Mckinney et al. (2008) mendapati pertikaian tanah melibatkan pemilik tanah, pemaju, agensi kerajaan dan agensi yang lain. Isu berkaitan tanah cenderung memastikan semua pihak berkepentingan melibatkan diri dalam pembangunan yang dilaksanakan. Pertikaian dibahagikan kepada empat jenis iaitu pertikaian khusus ke atas tapak, perancangan dan pengurusan pembangunan komprehensif, *interagency dan intergovernmental plans*, dan pemuliharaan alam semula jadi. Pertikaian khusus ke atas kawasan merujuk kepada perselisihan yang berlaku terhadap isu tapak melibatkan menyemak semula rancangan kejurangan, ketumpatan pada sebidang tanah, permintaan kepada perubahan penggunaan tanah. Isu ini merangkumi pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak agensi.

Selain itu, terdapat juga pemilik tanah yang tidak bersetuju dengan prosedur pengawalseliaan dan syarat khusus mengenai permit, *open space advocates dispute zoning proposal*, dan pembangunan semula. Pelan tindakan *Interagency dan Intergovernmental* menjelaskan pertikaian yang terhasil akibat daripada persengketaan antara pihak kerajaan dan agensi. Situasi ini secara amnya melibatkan kebenaran kepada pegawai kerajaan untuk mengambil bahagian dalam isu pentadbiran tanah. Sebagai analoginya, pelan infrastruktur tempatan dilihat tidak selari dengan keutamaan bidang kuasa dan bertentangan dengan dasar pertumbuhan negeri. Perkara ini merangkumi peraturan perancangan tempatan berkaitan penggunaan tanah bertentangan dengan dasar agensi negara. Pertikaian ini juga berfokus kepada isu pemuliharaan alam dan sumber semula jadi. Lazimnya, pemilik tanah tempatan atau pemegang pajak yang memiliki dan menggunakan tanah awam akan berdepan dengan kebimbangan apabila tanah mereka digunakan untuk pembangunan kawasan pemuliharaan alam (Mckinney et al., 2008).

Islam et al. (2015), pertikaian tanah dapat diklasifikasikan kepada dua jenis iaitu pertikaian antara individu atau keluarga, dan pertikaian dengan sektor swasta atau pihak pelabur. Pertikaian antara individu dan keluarga lazimnya melibatkan pengambilan dan penjualan tanah warisan keluarga tanpa izin menyebabkan mereka kehilangan hak ke atas pemilikan. Selain itu, peningkatan persaingan ke atas tanah mendorong pertikaian dengan pihak swasta atau pelabur merangkumi kebimbangan terhadap rampasan tanah, keengganan untuk menjual tanah kepada pihak luar dan ketidaktelusan dalam penglibatan pihak berkepentingan dalam rundingan mengenai penggunaan tanah. Perkara ini telah

mencetuskan perselisihan yang disebabkan kekurangan interaksi oleh penduduk setempat dalam pelaburan yang dikendalikan pihak swasta.

Kajian oleh Wehrmann (2008) menjelaskan pertikaian melibatkan sekurang-kurangnya dua pihak mengalami perbezaan kepentingan ke atas tanah sama ada untuk memenuhi keperluan atau ketamakan pihak yang terlibat. Kepentingan ke atas tanah menyebabkan peningkatan ke atas nilai tanah. Pertikaian terhadap tanah berlaku apabila wujudnya peluang untuk mendapatkan tanah secara percuma tak kira tanah yang dimiliki adalah hak negeri, harta bersama atau bersifat individu. Pertikaian ini berhubung dengan kegunaan tanah disebabkan oleh ketidaktelusan institusi dan kekurangan penyertaan penduduk setempat. Kuasa pasaran tanah yang cekap cenderung memperlihatkan penggunaan tanah secara optimum oleh pihak berkepentingan. Perkara ini menggambarkan pengabaian aspek impak negatif ekoran dari aktiviti yang menyebabkan kemusnahan alam sekitar seperti perhutanan, pembalakan dan pembinaan. Selain itu, pertindihan tanah yang bertentangan dengan hak tanah dicirikan oleh undang-undang mengakibatkan pemilikan yang tidak jelas. Keadaan ini menggambarkan kelemahan institusi dan agensi dalam mengawal pentadbiran tanah mendorong kepada timbulnya pertikaian ke atas pemilikan tanah.

Wehrmann (2008) juga menjelaskan bahawa pertikaian terhadap tanah boleh dibahagikan kepada empat jenis iaitu konflik ke atas semua jenis harta, konflik khas ke atas harta persendirian, konflik khas ke atas harta kolektif dan bersama, dan konflik ke atas harta kerajaan. Pertama, konflik ke atas semua jenis harta merangkumi konflik berasaskan warisan, percanggahan pemilikan, akses kepada tanah terhad, percanggahan pemilikan antara pihak kerajaan negeri dan swasta, pengambilalihan tanah tanpa maklumat, perselisihan mengenai status dan nilai tanah dan kemusnahan harta benda. Perkara ini menjelaskan bahawa pertikaian kepemilikan dikaitkan dengan warisan keluarga dan undang-undang yang bersifat pluralisme yang menyebabkan wujudnya pertindihan pemilikan tanah dan bertentangan dengan hak adat Orang Asli. Selain itu, kejadian pengambilan tanah secara paksa tanpa maklumat berhubung dengan penandaan pemilikan tanah yang tidak jelas dan ketidaktelusan oleh pihak agensi. Pengambilan tanah juga adalah untuk tujuan umum seperti pembinaan dan penjualan ke atas tanah milik persendirian. Masyarakat Orang Asli terutamanya golongan wanita dan kanak-kanak sering mengalami diskriminasi oleh undang-undang, adat atau amalan menyebabkan akses kepada tanah yang dimiliki menjadi terhad apabila berlaku pencerobohan dan pengambilan tanah oleh pihak agensi. Dalam konteks pertikaian ke atas tanah berlaku antara pemilik tanah dan pihak agensi mengenai isu bayaran pampasan apabila tanah mereka diambil. Pemilik tanah juga berdepan dengan masalah penyewa apabila keengganan membayar sewa dan perjanjian pajakan tanah.

Kedua, konflik khas ke atas harta persendirian merangkumi pengambilalihan tanah oleh kerajaan untuk tujuan umum tanpa sebarang pampasan. Hal ini menjelaskan bahawa pemindahan status pemilik tanah Orang Asli menyebabkan mereka tidak diberi hak tanah yang mencukupi untuk kegunaan harta bersifat individu atau peribadi. Selain itu, konflik tanah yang lazimnya berpunca daripada pembaharuan tanah di kawasan penempatan Orang Asli melibatkan peladang dan petani yang enggan memberi tanah yang dimiliki dan membuat tuntutan ke atas pampasan atau pulangan jika tanah mereka telah diambil. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan kepada komuniti ini terhadap keselamatan hak tanah mereka (Wehrmann, 2008). Ketiga, konflik ke atas harta bersama melibatkan persaingan antara beberapa pihak seperti petani dan pihak agensi terhadap pelbagai kepentingan tanah dalam menggunakan hak secara bersama. Hal ini mencetuskan pertikaian apabila pengagihan tanah Orang Asli secara kolektif atau tidak seimbang menyebabkan perebutan dalam pemilikan. Akhir sekali, pertikaian yang berlaku ke atas tanah kerajaan membabitkan pihak kerajaan negeri dan pihak swasta. Perkara ini merangkumi penggunaan tanah Orang Asli secara haram dan tuntutan pemilikan ke tanah oleh pihak berkuasa negeri yang tidak jelas. Keadaan ini menggambarkan ketidakadilan dari segi pemilikan dan akhirnya mendorong kepada pertikaian ke atas hasil atau pendapatan dari tanah negeri yang dijana melalui pajakan, penjualan atau perubahan penggunaannya. Hal ini membawa kepada pertikaian yang dapat difahami sebagai penyalahgunaan, pembatasan atau perselisihan ke atas hak tanah (Wehrmann, 2005).

Azima et al. (2015) menjelaskan pertikaian dalam pemilikan tanah merangkumi pertikaian dalam kalangan ahli keluarga, pertikaian dengan pihak swasta atau pelabur dan pertikaian dengan kerajaan negeri. Pertama, *insecurity* masyarakat terhadap hak mereka terhadap tanah menjelaskan bahawa

wujudnya pertikaian dalam kalangan ahli keluarga sendiri. Pertikaian berkaitan hak terhadap tanah berlaku dalam kalangan adik beradik dan dengan jiran sebelah sempadan tanah. Pertikaian dalam kalangan ahli keluarga mempunyai berkait rapat dengan isu tanah yang belum mempunyai title. Keadaan ini mendorong pemilik tanah untuk mempercepatkan lagi usaha untuk menyukat tanah mereka. Namun, pertikaian dalam keluarga mahupun jiran sebelah tanah mudah dikendalikan dengan mengadakan rundingan dan perbincangan dengan ketua kampung. Tetapi, pertikaian pemilik tanah dengan ketua kampung yang dirujuk sebagai sumber pengumpulan maklumat terhadap tanah milik suku ini juga telah mula dipertikaikan oleh kebanyakan pemilik tanah. Mereka mensyaki ketua kampung juga terlibat dalam penjualan tanah Orang Asli kepada orang luar. Situasi ini menjelaskan bahawa wujudnya *insecurity* dalam kalangan pemilik tanah apabila perasaan curiga dan rasa tidak percaya terhadap pemimpin yang menyimpan maklumat tentang maklumat tanah mereka dalam konteks informasi tidak bertulis dalam bentuk geran pemilik dan sebagainya.

Kedua, kebimbangan mengenai hak mereka terhadap tanah yang dicerobohi oleh syarikat luar juga menyebabkan mereka inginkan pemilikan tanah yang jelas iaitu memiliki geran tanah yang diiktiraf secara individu (Azima et al., 2015). Pemilik tanah menjelaskan bahawa saban hari tanah mereka dicerobohi oleh pihak swasta untuk kegiatan pembangunan yang memiliki kepentingan umum di tanah milik mereka. Wujudnya pencerobohan oleh syarikat-syarikat besar bagi tujuan pertanian seperti penanaman kelapa sawit dilihat memberi ancaman besar kepada masyarakat Orang Asli. Malah, jika tanah mereka telah dicerobohi perjuangan mereka untuk mendapatkan kembali tanah mereka mengambil masa yang lama dan kos yang banyak. Ketiadaan pembelaan daripada pihak agensi mendorong mereka dikejar kebimbangan akan kehilangan hak dan ketidakupayaan untuk membuat tuntutan semula menjadikan pertikaian berhubung dengan tanah ini menjadi berpanjangan dan berlanjutan di pihak pemilik tanah. Perkara ini sehinggakan terdapat dalam kalangan mereka sanggup untuk mengambil tindakan sendiri jika isu ini berlaku dengan berterusan.

Oleh yang demikian dapat dirumuskan bahawa, pertikaian tanah Orang Asli ini melibatkan pemilik tanah, pihak agensi kerajaan dan sektor swasta atau pihak pemaju. Masalah pertikaian ini dikaitkan dengan penglibatan pihak agensi dalam pembangunan yang berlandaskan pemuliharaan alam semula jadi serta aktiviti pencerobohan dan pengambilan tanah Orang Asli tanpa makluman. Selain itu aktiviti pewartaan juga telah memberi ancaman besar kepada keselamatan pemilikan komuniti ini. Hal ini telah menimbulkan pertikaian yang berpunca daripada beberapa faktor seperti perbezaan kepentingan ke atas tanah, peruntukan undang-undang, pentadbiran tanah dan kesedaran mengenai pemilikan. Keadaan ini telah menyebabkan kebimbangan masyarakat Orang Asli terhadap kehilangan hak dan kepentingan mereka ke atas tanah yang dimiliki

## Metod Kajian

Kajian yang dijalankan adalah kajian kuantitatif berbentuk deskriptif. Kajian telah melibatkan tiga buah perkampungan masyarakat Orang Asli daripada suku Temuan. Penempatan yang terlibat ialah Kampung Orang Asli Bukit Jenuk, Kampung Orang Asli Jenderam Hilir, dan Kampung Orang Asli Sungai Buah. Sejumlah 60 Orang Asli telah dipilih sebagai responden. Kawasan tersebut dipilih kerana komuniti ini mempunyai pengalaman dengan kes-kes pengambilan tanah dan pertindihan hak milik tanah Orang Asli dengan pihak agensi.

Borang soal selidik ini dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu bahagian A, B dan C. Setiap soalan adalah berbeza dari segi kategori soalan. Borang ini juga disediakan dengan beberapa soalan yang perlu ditandakan oleh responden. Edaran borang soal selidik ini diagihkan kepada masyarakat Orang Asli mahupun pemilik tanah.

Jadual 1: Borang Soal Selidik

| No. | Bahagian Soalan | Keterangan  |
|-----|-----------------|---|
| 1   | Bahagian A      | Bahagian ini terdiri daripada demografi atau latar belakang responden seperti jantina, etnik atau suku, |



|   |            |   |
|---|------------|---|
|   |            | agama, umur, status perkahwinan, tahap pendidikan dan status pemilikan tanah  |
| 2 | Bahagian B | Bahagian ini mengandungi beberapa maklumat pertikaian dengan pihak agensi sama ada agensi kerajaan, pihak swasta atau sektor perladangan. |
| 3 | Bahagian C | Bahagian ini adalah lebih kepada pandangan umum responden terhadap isu yang berbangkit dan usaha penyelesaian kepada pertikaian tanah.    |

Pemeringkatan skala interpretasi skor min menggunakan sumber dari Hills & Narayanan (1988), *Profile Characteristics, Success Factors and Marketing in Highly Successful Firms* seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: Jadual Intepretasi Skor Min

| Perkara          | Intepretasi Skor Min |                            |
|------------------|----------------------|----------------------------|
| 1.00 hingga 2.33 | Tahap Rendah         | Tidak Setuju/Kurang Setuju |
| 2.34 hingga 3.66 | Tahap Sederhana      | Sederhana Setuju           |
| 3.67 hingga 5.00 | Tahap Tinggi         | Sangat Setuju              |

Sumber: Hills & Narayan (1998)

Oleh itu, dengan menggunakan skor min Interpretasi seperti Jadual 2 oleh Hills & Narayan (1988) bagi menentukan tahap kuasa bagi setiap item. Interpretasi skor min bagi item yang mempunyai nilai min antara 1.00 hingga 2.33 berada pada tahap rendah. Sedangkan, bagi item mendapat min antara 2.34 hingga 3.66 tahap sederhana. Bagi nilai min yang berada pada tahap tinggi iaitu sebanyak 3.67 hingga 5.00.

## Analisis dan Dapatan Kajian

Maklumat bentuk pertikaian dalam pemilikan tanah Orang Asli merangkumi tiga kategori utama yang terdiri daripada pertikaian dengan kerajaan, pertikaian dengan pihak swasta atau pemaju, dan pertikaian dengan sektor perladangan. Didapati 91.70 % (55 orang) daripada masyarakat Orang Asli mengalami masalah pertikaian dengan sektor swasta seperti pihak pemaju atau syarikat persendirian. Sebahagian besar tanah Orang Asli diambil untuk tujuan pembangunan. Di kawasan kajian ini, terdapat pertikaian dengan Orang Asli berkait dengan pemegang tanah Bukit Unggul Resort dan pihak pemaju yang ingin membangunkan lebuh raya dan tapak perumahan. Cadangan perancangan yang dibangunkan ini telah menimbulkan kemarahan masyarakat Orang Asli kerana sebahagian besar tanah mereka telah diambil bagi tujuan pembangunan. Bagi Orang Asli, pihak ini telah melakukan pencerobohan tanpa izin kerana mereka tidak mendapat sebarang maklumat daripada pihak atasan berhubung dengan pembangunan yang ingin dibangunkan. Pertikaian pemilik tanah dengan syarikat swasta kebiasaannya mengambil masa yang lama untuk diselesaikan. Oleh itu, ketiadaan pembelaan daripada pihak agensi menyebabkan mereka dikejar kebimbangan akan kehilangan hak ke atas tanah dan ketidakupayaan untuk membuat tuntutan semula. Perasaan bimbang hak mereka ke atas tanah dicerobohi oleh syarikat luar juga menyebabkan mereka ingin pemilikan tanah yang jelas dan sah antaranya dengan memiliki geran tanah yang diiktiraf.

Selain itu, kajian mendapati 1.7% (4 orang) pula daripada masyarakat Orang Asli pernah menghadapi isu pertikaian dengan agensi kerajaan seperti kerajaan negeri. Pertikaian yang berlaku ini di mana selalunya berkaitan pertelingkahan yang melibatkan perancangan pembangunan oleh pihak kerajaan ke atas tanah. Hal ini kerana terdapat segelintir individu dalam agensi kerajaan tersebut tidak mengambil pandangan dan suara masyarakat Orang Asli itu sendiri. Malah, mereka juga tidak diberi maklumat yang lebih terperinci dan jelas mengenai pembermilikan sebahagian tanah Orang Asli untuk tujuan pembangunan. Sering kali masyarakat Orang Asli menjelaskan isu pencerobohan tanah milik mereka

berhubungan dengan kelulusan yang diberikan oleh kerajaan negeri. Mereka sangat bimbang jika tanah mereka diambil bagi tujuan pembangunan. Bagi pemilik tanah, mereka beranggapan bahawa undang-undang tanah tidak dapat melindungi hak dan kepentingan mereka ke atas tanah. Perkara ini kemungkinan berpunca daripada kuasa yang diberikan kepada kerajaan negeri yang menentukan kadar pampasan dan membatasi kebebasan pergerakan masyarakat Orang Asli dari segi perundangan.

Manakala, hanya 1.7 % (1 orang) daripada responden Orang Asli pernah berdepan dengan masalah pertikaian tanah dengan sektor perladangan di mana pihak ini merupakan syarikat perladangan dan pembalakan. Pertikaian ini kemungkinan berhubungan dengan aktiviti perladangan yang mencerooboh atau memasuki kawasan Orang Asli tanpa mendapatkan izin dan kebenaran daripada penduduk kampung. Sebahagian tanah ini kemungkinan telah dibangunkan oleh syarikat perladangan untuk tujuan pertanian atau penanaman kelapa sawit yang mana tanpa perundingan atau pemberian pampasan yang mencukupi kepada masyarakat Orang Asli. Perkara ini dikatakan masih tidak jelas statusnya bagaimana pemilik tanah mendapat faedah dari sektor perladangan ini dan bagaimana mereka dapat menuntut semula tanah selepas tempoh pajak tamat. Namun, isu tersebut kurang memberi kesan yang mendalam kepada komuniti tersebut.

Jadual 3: Pertikaian dalam Pemilikan Tanah Orang Asli

| Agensi             | Bil       | (%)        |
|--------------------|-----------|------------|
| Kerajaan           | 4         | 6.7        |
| Sektor Swasta      | 55        | 91.7       |
| Sektor Perladangan | 1         | 1.7        |
| <b>Jumlah</b>      | <b>60</b> | <b>100</b> |

Seterusnya, bahagian ini dibahagikan kepada enam faktor yang mendorong timbulnya pertikaian terhadap pemilikan tanah Orang Asli dengan agensi-agensi pembangunan seperti kerajaan, pihak swasta, atau sektor perladangan. Faktor tersebut merangkumi faktor perbezaan kepentingan ke atas tanah, faktor tanggapan dan interpretasi mengenai pemilikan, faktor peruntukan undang-undang dan regulasi, faktor kesedaran dan pemahaman terhadap pemilikan, faktor pentadbiran dan governan, dan akhir sekali faktor eksploitasi, diskriminasi dan pelanggaran hak. Dapatan mendapati, faktor tanggapan dan interpretasi mengenai pemilikan didapati mencatatkan kumulatif skor min yang tertinggi. Berikut merupakan Jadual faktor kumulatif skor min bagi faktor yang menyebabkan timbulnya pertikaian dalam pemilikan tanah dengan pihak agensi (Rujuk Jadual 4).

Jadual 4 Faktor Kumulatif Skor Min

| Faktor Pertikaian                             | Kumulatif Skor Min |
|---|--------------------|
| Tanggapan Dan Interpretasi Mengenai Pemilikan | 3.95               |
| Kesedaran Dan Pemahaman Terhadap Pemilikan    | 3.76               |
| Perbezaan Kepentingan Ke Atas Tanah           | 3.63               |
| Pentadbiran Dan Governan                      | 3.04               |
| Eksploitasi, Diskriminasi Dan Pelanggaran Hak | 2.68               |
| Peruntukan Undang-undang dan Regulasi         | 2.60               |

### ***Faktor Perbezaan Kepentingan Ke Atas Tanah***

Bahagian ini menerangkan mengenai faktor-faktor yang menyebabkan timbulnya pertikaian dalam pemilikan tanah Orang Asli dengan pihak agensi untuk faktor perbezaan kepentingan ke atas tanah. Item hubungan rapat Orang Asli dengan tanah didapati nilai min yang tertinggi iaitu 4.27 (rujuk Jadual 5). Hal ini menunjukkan bahawa kebanyakan masyarakat Orang Asli bersetuju bahawa Orang Asli mempunyai hubungan rapat dengan tanah. Kebergantungan mereka terhadap tanah ini mempengaruhi penempatan di tanah yang dimiliki. Bagi mereka, tanah tidak pernah dilihat sebagai sesuatu yang boleh dimiliki secara peribadi tetapi tanah milik masyarakat tersebut. Sebahagian tanah mereka diambil untuk tujuan pembangunan seperti pembinaan lebuhraya dan perumahan. Masalah ini berkait dengan

pemilikan yang lebih bersifat individualistik untuk mendapatkan kepentingan ke atas tanah. Perkara ini disokong oleh Wehrmann (2008) menyatakan pertikaian ini berpunca daripada perbezaan kepentingan ke atas tanah sama ada berlandaskan keperluan dan ketamakan pihak yang terlibat.

Sering kali proses pembangunan yang dilaksanakan oleh agen pembangunan bercanggah dengan hak masyarakat Orang Asli menyebabkan berlakunya pertikaian dengan pihak berkepentingan. Bertepatan dengan kajian oleh Wehrmann (2008) mendapati pertikaian ini berlaku apabila timbul peluang dan persaingan untuk mendapatkan tanah secara percuma tak kira tanah yang dimiliki adalah hak kerajaan negeri. Keadaan ini menjelaskan bahawa perbezaan kepentingan ke atas tanah ini berkait rapat dengan penjajahan terhadap pengetahuan dan hubungan sosial memberikan tekanan kepada komuniti ini (Iokine & Mirna, 2018).

Manakala, bagi item Orang Asli masih mengamalkan kegiatan tradisional seperti memburu dan mengumpul hasil hutan didapati dengan nilai min yang terendah iaitu 2.48. Di kawasan kajian, kebanyakan dalam kalangan Orang Asli menyatakan mereka tidak lagi bergantung kepada kegiatan memburu dan mengumpul hasil hutan. Perkara ini disokong oleh Er et al. (2010) menjelaskan bahawa sejak beberapa dekad ini aktiviti ekonomi masyarakat tersebut telah mengalami perubahan iaitu dari mencari sumber hutan semata-mata kepada penglibatan dalam sektor kerajaan dan swasta. Hal ini disebabkan komuniti ini sudah ramai yang bekerja di luar atau melakukan urusan yang lain seperti pemandu lori, tukang kebun dan tukang sapu. Malah, anak-anak Orang Asli juga kebanyakan daripada mereka sudah pergi ke sekolah. Ini menunjukkan taraf pendidikan dalam kalangan mereka telah meningkat sejak tahun 2007 terutama melalui usaha Jabatan JHEOA yang telah meningkatkan kesedaran tentang pentingnya pendidikan (Er et al., 2010). Walau bagaimanapun, mereka jadikan kegiatan tradisional ini sebagai satu hobi semasa hujung minggu atau waktu senggang. Oleh itu, aspek ini didapati tidak mencetuskan pertikaian tanah yang mendalam kepada masyarakat Orang Asli.

Jadual 5: Faktor Perbezaan Kepentingan Ke Atas Tanah

| Pernyataan   | Tahap     | Purata                  | S. Piawai |
|--|-----------|-------------------------|-----------|
| Hubungan rapat Orang Asli dengan tanah   | Tinggi    | 4.27                    | 0.446     |
| Kebergantungan terhadap tanah mempengaruhi penempatan di tanah yang dimiliki                                       | Tinggi    | 3.93                    | 0.406     |
| Orang Asli masih mengamalkan kegiatan tradisional seperti memburu dan mengumpul hasil hutan                        | Sederhana | 2.48                    | 0.833     |
| Aktiviti pembangunan seperti perlombongan, pewartaan dan pembinaan empangan mengubah nilai-nilai sosial Orang Asli | Tinggi    | 3.85                    | 0.515     |
| Pemberitahuan dan makluman awal jika operasi pembalakan, perladangan atau pengambilan tanah Orang Asli berlaku     | Sederhana | 3.63                    | 0.736     |
| <b>Kumulatif skor</b>  |           | <b>3.63 (Sederhana)</b> |           |

Nota: Rendah (1.00-2.33), Sederhana (2.34-3.66), Tinggi (3.67-5.00)

### ***Faktor Tanggapan dan Interpretasi Mengenai Pemilikan***

Bagi faktor tanggapan dan interpretasi mengenai pemilikan, didapati faktor hak dalam membuat keputusan terhadap pemilikan tanah sewajarnya jatuh kepada Orang Asli memperoleh nilai min yang tertinggi iaitu 4.47 (rujuk Jadual 6). Hal ini menjelaskan bahawa pertikaian tanah yang berlaku ini didorong oleh andaian dan tanggapan masyarakat Orang Asli bahawa mereka juga perlu diberi peluang untuk membuat keputusan dan menyuarakan pendapat mengenai hak milik tanah yang dimiliki. Kajian oleh S. Person et al. (2017) mendapati pertikaian ini terhasil daripada tanggapan bahawa hak dalam membuat keputusan terhadap pemilikan tanah sewajarnya diberikan kepada masyarakat Orang Asli. Oleh itu, majoriti daripada masyarakat Orang Asli bersetuju bahawa mereka mempunyai hak dalam membuat keputusan mengenai isu ini apabila sebahagian tanah mereka diambil oleh syarikat-syarikat swasta untuk tujuan pembangunan. Hal ini kerana tafsiran terhadap kuasa yang dipunyai oleh kerajaan negeri ke atas kehidupan masyarakat Orang Asli menyebabkan mereka dikejar kebimbangan dan kemarahan.



Pertikaian tanah yang berlaku ini menunjukkan bahawa masyarakat Orang Asli benar-benar inginkan pemilikan yang sah ke atas tanah supaya pertikaian yang timbul tidak berterusan. Bertepatan dengan kajian oleh Mashawama et al. (2016) di Afrika mendapati pertikaian terhasil disebabkan oleh projek pembangunan mendorong kepada tuntutan dan konflik dalam kalangan Orang Asli. Pertikaian yang berlaku ini berpunca daripada perbezaan pandangan dan pemahaman memberi kesan seperti kehilangan produktiviti, daya maju, kos dan keuntungan serta pemecahan antara pihak yang terlibat. Hal ini kerana kekeliruan tafsiran timbul apabila ada dalam kalangan pemilik tanah yang terlibat dalam pembangunan tidak mempunyai pengetahuan yang jelas tentang pemilikan tanah mereka.

Manakala, item peruntukan untuk bayaran pampasan tidak diberi dalam kadar yang mencukupi dicatatkan dengan nilai min yang terendah iaitu 3.52 (rujuk Jadual 6). Keadaan ini menjelaskan bahawa ketiadaan pengiktirafan atau dokumen 'hitam putih' yang jelas dalam pemilikan tanah menyebabkan mereka diberi pampasan atau ganti rugi yang tidak mencukupi selaras dengan saiz tanah yang diambil. Perkara ini berlaku disebabkan oleh masyarakat Orang Asli tidak mempunyai pengalaman, kemahiran perundingan dan proses tawar-menawar. Akhirnya, komuniti ini terpaksa menerima walaupun dalam jumlah sedikit dan tidak senilai dengan tanah yang diserahkan. Bertepatan dengan kajian oleh Azima et al. (2015) mendapati isu bayaran pampasan yang tidak diberikan dalam kadar yang mencukupi telah menjadi rungutan masyarakat tersebut kerana mereka beranggapan bahawa ketidakberkesanan undang-undang dari aspek perlindungan ke atas pemilik tanah. Namun, aspek bayaran pampasan ini kurang mempengaruhi timbulnya pertikaian dalam pemilikan tanah Orang Asli dengan pihak agensi.

Jadual 6: Faktor Tanggapan dan Interpretasi Mengenai Pemilikan

| <b>Pernyataan</b>   | <b>Tahap</b> | <b>Purata</b>        | <b>S. Piawai</b> |
|---|--------------|----------------------|------------------|
| Perbezaan pandangan mengenai status, kesahihan pemilikan dan keluasan sebenar tanah yang dimiliki | Tinggi       | 3.80                 | 0.546            |
| Hak dalam membuat keputusan terhadap pemilikan tanah sewajarnya jatuh kepada Orang Asli           | Tinggi       | 4.47                 | 0.536            |
| Pihak kerajaan negeri mempunyai kuasa dan kawalan penuh ke atas pemilikan tanah                   | Tinggi       | 4.05                 | 0.429            |
| Peruntukan untuk bayaran pampasan tidak diberi dalam kadar yang mencukupi                         | Sederhana    | 3.52                 | 0.748            |
| Pihak agensi mendakwa tanah Orang Asli adalah hak kerajaan  | Tinggi       | 3.93                 | 0.482            |
| <b>Kumulatif skor</b>   |              | <b>3.95 (Tinggi)</b> |                  |

Nota: Rendah (1.00-2.33), Sederhana (2.34-3.66), Tinggi (3.67-5.00)

### ***Faktor Peruntukan Undang-undang dan Regulasi***

Bagi faktor peruntukan undang-undang dan regulasi pula, didapati faktor ini memperoleh skor min yang sederhana iaitu 2.60 (rujuk Jadual 7). Ini menunjukkan bahawa faktor ini dilihat masih belum kukuh mendorong pertikaian tanah yang serius di antara masyarakat Orang Asli dengan pihak agensi. Item kesukaran memahami undang-undang didapati dengan nilai min tertinggi iaitu 4.32. Majoriti daripada masyarakat Orang Asli bersetuju bahawa mereka mempunyai kurang pemahaman mengenai undang-undang tanah khususnya dari segi pemilikan. Keadaan ini menjelaskan bahawa walaupun terdapat pelbagai peruntukan yang memberikan perlindungan kepada hak tanah Orang Asli, namun aktiviti pengambilan sebahagian tanah mereka untuk tujuan pembangunan sering kali berlaku secara berterusan. Hal ini kerana, kandungan undang-undang tergubal gagal memahami sifat tanah tersebut dan peruntukan ini memperlihatkan kelemahan.

Ramai dalam kalangan Orang Asli yang berpandangan bahawa agensi-agensi pembangunan seperti pihak pemaju tidak menekankan aspek hak dan kepentingan Orang Asli seperti yang terkandung dalam perlembagaan. Bertepatan dengan kajian oleh Norazamawati (2019) mendapati masyarakat Orang Asli mempunyai masalah kesukaran memahami undang-undang tanah terutamanya dari segi pemilikan. Walaupun terdapat akta yang melindungi hak mereka tetapi sesetengah akta ini dianggap tidak bersesuaian dengan kehendak komuniti ini. Perkara ini dikatakan telah menimbulkan kemarahan

komuniti ini dan seterusnya boleh menjejaskan pemilikan mereka ke atas tanah yang didiami. Manakala, item tiada peruntukan tentang bayaran pampasan jika kehilangan hak tanah dicatatkan dengan nilai min terendah iaitu 2.05. Majoriti masyarakat Orang Asli tidak bersetuju dengan perkara ini kerana dari segi perundangan sememangnya terdapat peruntukan untuk bayaran pampasan dan diberikan kepada mereka apabila pengambilan tanah berlaku. Walau bagaimanapun, keadaan ini menjelaskan bahawa wujudnya perasaan bimbang bahawa mereka terpaksa menerima bayaran pampasan yang dengan kadar yang sedikit dan tidak senilai dengan tanah yang diambil. Bertepatan dengan SUHAKAM (2013) menyatakan peruntukan tentang bayaran pampasan jika kehilangan hak tanah tidak menjamin bayaran pampasan yang memadai seperti yang dituntut dalam Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan. Namun, faktor ini tidak menunjukkan kesan yang mendalam kepada pertikaian yang berlaku.

Jadual 7: Faktor Peruntukan Undang-undang dan Regulasi

| Pernyataan   | Tahap     | Purata                  | S. Piawai |
|--|-----------|-------------------------|-----------|
| Kesukaran memahami undang-undang tanah   | Tinggi    | 4.32                    | 0.596     |
| Tiada penguatkuasaan undang-undang tanah   | Rendah    | 2.08                    | 0.334     |
| Tiada peruntukan mengenai pewartaan tanah sebagai Rizab Orang Asli                             | Rendah    | 2.08                    | 0.381     |
| Tiada peruntukan tentang bayaran pampasan jika kehilangan hak tanah                            | Rendah    | 2.05                    | 0.287     |
| Tiada peruntukan terperinci tentang notis pemberitahuan penghapusan atau pengurangan hak tanah | Sederhana | 2.47                    | 0.812     |
| <b>Kumulatif skor</b>  |           | <b>2.60 (Sederhana)</b> |           |

Nota: Rendah (1.00-2.33), Sederhana (2.34-3.66), Tinggi (3.67-5.00)

### ***Faktor Kesedaran dan Pemahaman Terhadap Pemilikan***

Bagi faktor kesedaran dan pemahaman terhadap pemilikan pula, item kurang pengetahuan terhadap pemilikan didapati dengan nilai min yang tertinggi iaitu 4.37 (rujuk Jadual 7). Keadaan ini menjelaskan bahawa Orang Asli masih lagi mempunyai pengetahuan yang kurang ke atas tanah. Kebanyakan daripada masyarakat Orang Asli beranggapan bahawa tanah yang didiami adalah hak mereka berdasarkan adat dan budaya. Ketiadaan dokumen hak milik tanah yang jelas menyebabkan terdapat segelintir pihak pemaju mudah mengambil kesempatan ke atas komuniti ini untuk mendapatkan keuntungan. Hal ini menyebabkan status tanah yang dijelaskan kepada mereka masih lagi samar-samar dan komuniti tidak membuat sebarang tindakan dengan lebih awal. Oleh itu, kurang pemahaman dalam kalangan masyarakat Orang Asli menjadi halangan utama dalam mempertahankan hak mereka ke atas tanah dan seterusnya mencetuskan pertikaian antara pihak berkepentingan. Bertepatan dengan kajian Benard et al. (2018) mendapati pertikaian tanah yang berlaku berpunca daripada kurang kesedaran dan pengetahuan yang mendalam undang-undang tanah dalam kalangan pemilik tanah.

Manakala, item kurang kerjasama antara komuniti dalam mempertahankan hak pemilikan tanah mencatatkan nilai min yang terendah iaitu 2.97. Hal ini menjelaskan bahawa pertikaian yang berlaku sering kali berpunca daripada kesukaran untuk mendapatkan kesepakatan dalam usaha untuk memperoleh pengiktirafan hak milik tanah. Perkara ini disokong oleh Benard et al. (2018) mendapati kekurangan kerjasama antara pihak kerajaan dan masyarakat Orang Asli telah menyebabkan kebimbangan jika kehilangan hak ke atas tanah mereka. Masyarakat Orang Asli mempunyai persepsi yang berbeza di mana tunggu dan lihat sebagai langkah selamat bagi sebahagian komuniti ini untuk melindungi tanahnya diambil. Pengambilan tanah mereka tanpa izin dan makluman menjadikan mereka lebih berhati-hati. Namun, aspek ini kurang mendorong kepada pertikaian dalam pemilikan tanah Orang Asli. Sebahagian masyarakat Orang Asli berpandangan bahawa perlunya kesedaran supaya pihak berkepentingan atau agensi tidak mudah mengambil kesempatan ke atas hak tanah mereka.

Jadual 8: Faktor Kesedaran dan Pemahaman Terhadap Pemilikan

| Pernyataan   | Tahap     | Purata               | S. Piawai |
|--|-----------|----------------------|-----------|
| Kurang pengetahuan terhadap pemilikan tanah                                | Tinggi    | 4.37                 | 0.663     |
| Kurang kesedaran mengenai undang-undang tanah                              | Tinggi    | 4.28                 | 0.739     |
| Tanggapan bahawa tanah kelahiran nenek moyang mereka adalah hak Orang Asli | Tinggi    | 4.17                 | 0.419     |
| Ketidakpastian dan <i>insecurity</i> mengenai tanah yang dimiliki          | Sederhana | 3.02                 | 0.999     |
| Kurang kerjasama antara komuniti untuk mempertahankan hak pemilikan tanah  | Sederhana | 2.97                 | 0.991     |
| <b>Kumulatif skor</b>  |           | <b>3.76 (Tinggi)</b> |           |

Nota: Rendah (1.00-2.33), Sederhana (2.34-3.66), Tinggi (3.67-5.00)

### Faktor Pentadbiran dan Governan

Bagi faktor pentadbiran dan governan, item kelemahan dan ketidakcekapan sistem pentadbiran tanah telah memperoleh nilai min yang tertinggi iaitu 3.98 (Jadual 9). Hal ini kerana, majoriti daripada masyarakat Orang Asli bersetuju bahawa halangan yang utama mengakibatkan nasib masyarakat Orang Asli terus tidak terpelihara adalah kelemahan pentadbiran oleh agensi kerajaan. Pembangunan yang melibatkan pengambilan sebahagian tanah Orang Asli telah menimbulkan kemarahan yang berterusan daripada komuniti tersebut. Pihak agensi kerajaan dikatakan kurang menitikberatkan aspek kepentingan Orang Asli semasa meluluskan sesuatu projek pembangunan dan ada segelintir yang menolak dasar kebimbangan komuniti ini. Malah, pihak pemaju tidak menekankan faktor-faktor penilaian ke atas persekitaran semasa merancang pembangunan ke atas tanah mereka menyebabkan sesetengah maklumat tidak dihebahkan kepada pengetahuan mereka. Bertepatan dengan kajian Zach (2019) mendapati pertikaian tanah ini berpunca daripada kelemahan struktur pentadbiran tanah oleh pihak kerajaan telah memberi tekanan kepada sesetengah pemilik tanah. Keadaan ini telah menimbulkan pertikaian ke atas tanah antara pihak berkepentingan. Ketidakupayaan agensi kerajaan dalam menyediakan sistem perundangan yang jelas bagi membantu masyarakat Orang Asli untuk mendapatkan tanah yang dipegang oleh pihak pemaju ini.

Manakala, item urus tadbir tanah tanpa mengambil kira pandangan Orang Asli dicatatkan dengan nilai min terendah iaitu 2.23. Perkara ini menggambarkan bahawa faktor ini kurang memberi kesan perselisihan ke atas tanah Orang Asli dengan pihak agensi. Masyarakat Orang Asli menjelaskan lazimnya urus tadbir oleh pihak agensi kerajaan ini mengenai tanah ini tetap mengambil pendapat yang diutarakan oleh mereka. Perkara ini disokong oleh Kirk (2019) mendapati pandangan Orang Asli terhadap urus tadbir tanah mereka merupakan salah satu cara untuk melindungi kepentingan dan hak mereka. Namun, terdapat segelintir pihak agensi ini tidak mempedulikan aduan yang diberi dan tidak memberi peluang kepada mereka untuk turut serta dalam perundingan yang dilakukan. Keadaan ini telah menyebabkan mereka tidak mempunyai hak pemilikan tanah yang jelas. Pertikaian tersebut memberi kesukaran dalam memastikan penglibatan masyarakat Orang Asli dalam perancangan pembangunan yang dijalankan oleh pihak kerajaan.

Jadual 9: Pentadbiran dan Governan

| Pernyataan  | Tahap     | Purata | S. Piawai |
|---|-----------|--------|-----------|
| Kelemahan dan ketidakcekapan sistem pentadbiran tanah                               | Tinggi    | 3.93   | 0.362     |
| Kegagalan pihak agensi melindungi pemilikan tanah Orang Asli                        | Sederhana | 2.78   | 0.958     |
| Pihak agensi tidak menekankan aspek hak pemilikan tanah                             | Sederhana | 2.38   | 0.739     |
| Urus tadbir tanah tanpa mengambil kira pandangan Orang Asli                         | Rendah    | 2.23   | 0.621     |
| Pembahagian tugas organisasi yang tidak jelas mengancam keselamatan pemilikan tanah | Tinggi    | 3.88   | 0.415     |

**Kumulatif skor** **3.04 (Sederhana)**

Nota: Rendah (1.00-2.33), Sederhana (2.34-3.66), Tinggi (3.67-5.00)

### **Faktor Eksploitasi, Diskriminasi dan Pelanggaran Hak**

Faktor yang terakhir dalam aspek faktor yang menyebabkan timbulnya pertikaian dalam pemilikan tanah Orang Asli dengan pihak agensi adalah faktor eksploitasi, diskriminasi dan pelanggaran hak. Didapati item aktiviti pembangunan melibatkan eksploitasi ke atas pemilikan tanah dengan nilai min tertinggi iaitu 4.02 (rujuk Jadual 10). Keadaan ini menjelaskan bahawa majoriti daripada masyarakat Orang Asli bersetuju bahawa sebahagian tanah mereka diambil untuk tujuan pembangunan seperti pembinaan lebuhraya atau perumahan melibatkan eksploitasi oleh pihak pemaju. Kegiatan eksploitasi ini dinilai telah mengabaikan suara dan hak sesetengah penduduk kampung dan telah menimbulkan kebimbangan mengenai perubahan yang berlaku ke atas tanah yang didiami. Kajian oleh Vijeyasri & Mazliza (2017) menyatakan diskriminasi, penyingkiran hak tanah, penafian budaya dan serangan fizikal telah menjejaskan kehidupan harian masyarakat Orang Asli.

Manakala, item eksploitasi terhadap tanah melibatkan pengabaian suara dan hak Orang Asli dicatatkan dengan nilai min terendah iaitu 2.37. Majoriti daripada masyarakat Orang Asli berpendapat bahawa kurang berlaku pertikaian ke atas tanah yang berpunca daripada kegiatan eksploitasi yang dinilai telah mengabaikan suara dan hak Orang Asli. Bagi Orang Asli, masih terdapat segelintir pihak pemaju yang mencerooboh tanah mereka tanpa izin berhubung dengan aktiviti pembangunan yang ingin dijalankan. Hal ini kerana, mereka tidak mendapat maklumat yang lebih jelas daripada pihak kerajaan mengenai perancangan pembangunan ini. Perkara ini disokong oleh Ojala & Nordin (2015) mendapati pertikaian tanah ini juga berpunca daripada eksploitasi, kerjasama dan pencampuran identiti berkaitan isu pembangunan seperti penerokaan tanah yang menerima sokongan daripada pihak kerajaan. Namun, aspek eksploitasi ke atas tanah dilihat penting sebagai halangan yang boleh mendorong kepada sesuatu perselisihan atau persengkataannya berlaku antara pihak berkepentingan.

Jadual 10: Eksploitasi, Diskriminasi dan Pelanggaran Hak

| <b>Pernyataan</b>  | <b>Tahap</b> | <b>Purata</b>           | <b>S. Piawai</b> |
|--|--------------|-------------------------|------------------|
| Aktiviti pembangunan melibatkan eksploitasi ke atas pemilikan tanah              | Sederhana    | 2.80                    | 0.898            |
| Eksploitasi ke atas tanah melibatkan pengabaian suara dan hak Orang Asli         | Sederhana    | 2.37                    | 0.736            |
| Kawalan eksploitasi ke atas tanah menjejaskan hak pemilikan                      | Sederhana    | 2.73                    | 0.841            |
| Perubahan status pemilikan tanah dalam amalan penyesuaian dan peraturan adat     | Sederhana    | 2.72                    | 0.922            |
| Diskriminasi dan pelanggaran hak melibatkan ketidakstabilan dalam pegangan tanah | Sederhana    | 2.77                    | 0.927            |
| <b>Kumulatif skor</b>  |              | <b>2.68 (Sederhana)</b> |                  |

Nota: Rendah (1.00-2.33), Sederhana (2.34-3.66), Tinggi (3.67-5.00)

### **Kesimpulan**

Oleh yang demikian dapat dirumuskan bahawa pertikaian tanah berlaku disebabkan oleh masyarakat Orang Asli yang kurang memahami undang-undang tanah dengan lebih jelas. Ini menggambarkan bahawa peruntukan dalam perlembagaan negara tidak dapat menjamin pemilikan tanah dalam kalangan orang Asli. Keadaan ini akhirnya mewujudkan pertikaian yang tidak dapat dielakkan akibat daripada pengambilan tanah bagi tujuan pembangunan. Walau bagaimanapun, setiap pertikaian yang timbul mampu diselesaikan jika semua pihak yang terlibat bekerjasama dan saling menghormati di antara satu sama lain. Oleh itu, pentingnya Orang Asli dilibatkan secara langsung dalam pembangunan tanah yang akan dijalankan terhadap kawasan penempatan mereka. Segala pendekatan ini dapat membantu menyediakan maklumat kepada pihak kerajaan untuk mengesahkan pemilikan dengan lebih jelas bagi mengelakkan pertelingkahan berhubung isu tanah berlaku secara berterusan.

## Rujukan

- Azima Abdul Manaf, Syafiq Akmal, Sarmila Md Sum, Novel Lyndon, Zaimah Ramli, Suhana Saad, Sivapalan Selvadurai, Abd Hair Awang, Mohd Yusof Hussain, Mokhtar Jaafar & Mohd Fuad Mat Jali. (2015). Sempadan dan pertikaian pemilikan tanah adat di Sarawak. *Malaysian Journal of Society and Space*, 7(11), 92-103.
- Benard, K. O., Kenichi, M., & Adwoa, O. A. (2018). The thematic analysis of land disputes in Ghana: the case of the dormaa traditional area. *Proceedings of International Academic Conferences, International Institute of Social and Economic Sciences*, 227-227.
- Colchester, M., Griffiths, T., McKay, F., & Nelson, J. (2004). Indigenous Land Tenure: Challenges and Possibilities. In: *Land reform, land settlement and cooperatives*. Food & Agriculture Organization of The United Nations (FAO).
- Colchester, Tom, G., Fergus, M., & Johnm N. (2008). *Indigenous Land Tenure and Possibilities*. Forest Peoples Programme, Moreton-in-Marsh, United Kingdom.
- Er, A. C., Zalina Che Mat Arifin & Joy, J. P. (2010). Sosioekonomi masyarakat orang asli: kajian kes di Hutan Simpan Bukit Lagong, Selangor, Malaysia. *Jurnal Melayu*, 5, 295-314.
- Gomes, T. L.. (2012). *Alter-Native "Development": Indigeneous Forms of Social Ecology*. Taylor & Francis Ltd. Australia. Guilford, J.P. 1959. *Personality*. New York: McGraw-Hill.
- Hills, G. E., & Narayana, C. L. (1992). Profile characteristics, success factors, and marketing in highly successful firms. In R. H. Brockhaus, Sr., et al. (Ed.), *Frontiers of Entrepreneurship Research*. Wellesley, Mass.: Babson College Center for Entrepreneurship Studies.
- Iokine Rodriguez & Mirna, L. I. (2018). Conflict transformation in indigenous peoples' territories: doing environmental justice with a 'decolonial turn'. *Development Studies Research*, 5(1), 90-105.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2013). Laporan Tahunan JAKOA. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Orang Asli.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2016). Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli (2016-2020). Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Orang Asli di Malaysia.
- JHEOA. (2006). *Annual Report of Department of Orang Asli Affairs 2006*. Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.
- Kalande, W. (2008). *Kenyan land disputes in the context of social conflict theories*. FIG Commission 7 Annual Meeting and Open Symposium on Environment and Land Administration 'Big Works for Defence of The Territory', hlm. 11-15.
- Keresi, R. L. T., & Ian, P. (2014). Dispute resolution in customer lands: some lessons from Fiji. *Survey Review*, 26(12), 355-366.
- Kalit, K. & Young E. (2013). Common property conflict and resolution: aboriginal Australia and Papua Guinea. *The Governance of Common Property in the Pacific Region*, 183-208.
- Kirk, C. (2019). Resolving conflict between Canada's indigeneous peoples and the crown through modern treaties: yukon case history. *New England Journal Of Public Policy*, 31(1), 1-11.
- Mashwama, X. N, Aigbavboa, C., & Thawala, D. (2016). Investigation of construction stakeholders' perception on the effects and costs of construction dispute in Swizaland. *Creative Construction Conference, CCC. Procedia Engineering* 164, 196-205.
- McKinney, M., & Johnson, S. (2009). *Working Across Boundaries: People, Nature & Regions*. Lincoln Institute of Land Policy & Center for Natural Resources and Environmental Policy, The University of Montana.
- Norazmawati Md. Sani. (2019). Isu-isu semasa dalam pentadbiran tanah di Malaysia dan penyelesaian. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 1(2), 1-7.
- Ojala, J., & M. Nordin. (2015). *Mining Sapmi: Colonial Histories, Sami Archaeology, and the Exploitation of Natural Resources in Northen Sweden*. Board of Regents of the University of Wisconsin System.
- Persson, S., Harnesk, D., & Mine, I. M. (2017). What local people? examining the gallok mining conflict and the right of the sami population in terms of justice and power. *Geoforum*, 86, 20-29.
- Sahabat Alam Malaysia (SAM) & Jaringan Kampung Orang Asli Semenanjung Malaysia (JKOASM). (2016). *Penceroobohan Tanah Adat Orang Asli Di Semenanjung Malaysia: Punca dan Penyelesaian*. Terbitan Sahabat Alam Malaysia dan Jaringan Kampung Orang Asli Semenanjung Malaysia.



- Islam, S., Moula, G., & Islam, M. (2015). Land rights, land disputes and land administration in Bagladesh: a critical study. *Beijing Law Review*, 6, 193-198.
- Siti Aminah Mohd Sam & Seow, T. W. (2013). Kelestarian pembangunan sosiobudaya komuniti orang asli. *Persidangan Kebangsaan Geografi dan Alam Sekitar Kali Ke-4, Anjuran Jabatan Geografi Dan Alam Sekitar*. Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, hlm. 483-489.
- Suhada Shamsudin. (2016). *Kepentingan Pewartaan Tanah Rizab Orang Asli. Tesis Sarjana Muda*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). (2013). *Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asli*. Terbitan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia. Kuala Lumpur.
- Vijeyasri, R., & Mazliza Mohamad. (2017). Hak tanah orang asli: isu-isu hak tanah orang asli di Semenanjung Malaysia. *Legal Network Series, LNS (A)*, 1-29.
- Wehrmann, B. (2008). *Land Conflicts: A Practical Guide To Dealing With Land Disputes*. Deutsche Gesellschaft, Eschborn, German.
- Whiteman, G., & Katy, M. (2002). Examining justice and conflict between mining companies and indigenous peoples. *Journal of Business and Management*, 8, 293-330.
- Whiteman, G. (2009). All my relations: understanding perceptions of justice and conflict between companies and indigeneous peoples. *Journal of Business and Management*, 30(1), 101-120.